




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

2 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 165 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 240,961 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 100 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 233,790 orang. Manakala 670 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 347 orang di hospital, 322 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 42 orang merangkumi 38 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 15 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 24 (26.09%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat berubah dari zon kuning ke zon jingga manakala Tawau dan Sipitang berubah dari zon jingga ke merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Setelah beberapa hari melalui trend peningkatan, Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 99 kes hari ini menjadikan kes harian baharu sebanyak 165 kes sahaja.
- b. Beberapa daerah menunjukkan penurunan yang agak besar seperti Tuaran -34 kes, Kota Kinabalu -23 kes, Ranau -15 kes dan Penampang -12 kes. Hanya Tawau yang merekodkan peningkatan ketara dengan pertambahan sebanyak 10 kes berbanding semalam. Daerah-daerah lain hanya melibatkan perubahan pada kadar satu (1) angka sahaja ataupun kekal sebagaimana catatan sebelumnya.
- c. Pada hari ini, sebanyak tujuh (7) daerah mencatatkan kes dua (2) angka dengan kes tertinggi di Kota Kinabalu iaitu dengan 33 kes. Sebanyak 14 daerah lagi mencatatkan kes pada satu (1) angka sahaja dan enam (6) daerah mencatatkan sifar (0) kes.
- d. Seramai 161 orang daripada 165 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, terdapat satu (1) kes masing-masing dilaporkan dalam Kategori 3, 4 dan 5. Kes yang melibatkan seorang pesakit lagi masih dalam penilaian JKNS
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (68) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	60	36.36%
3	Kontak	68	41.21%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	37	22.42%
JUMLAH		165	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (01 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 01/01/2022	Catatan Kes 02/01/2022	Perbandingan
1	Tawau	1	11	+10
2	Kudat	1	4	+3
3	Kota Marudu	8	10	+2
4	Tambunan	2	4	+2
5	Tenom	0	2	+2
6	Kota Belud	18	19	+1
7	Nabawan	1	2	+1
8	Telupid	0	1	+1
9	Sandakan	4	4	Mendatar
10	Kuala Penyu	3	3	Mendatar
11	Lahad Datu	2	2	Mendatar
12	Kalabakan	0	0	Mendatar
13	Pitas	0	0	Mendatar
14	Semporna	0	0	Mendatar
15	Tongod	0	0	Mendatar
16	Tuaran	42	8	-34
17	Kota Kinabalu	56	33	-23
18	Ranau	32	17	-15
19	Penampang	31	19	-12
20	Putatan	13	4	-9
21	Keningau	12	5	-7
22	Sipitang	6	0	-6
23	Papar	15	10	-5
24	Beaufort	8	5	-3
25	Beluran	4	1	-3
26	Kunak	2	0	-2
27	Kinabatangan	3	1	-2
JUMLAH		264	165	-99

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (19 Disember – 01 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	10	9	0	14	33	433
Penampang	0	8	8	0	3	19	211
Kota Belud	0	9	8	0	2	19	200
Ranau	0	12	4	0	1	17	207
Tawau	0	5	1	0	5	11	44
Papar	0	7	3	0	0	10	122
Kota Marudu	0	6	3	0	1	10	71
Tuaran	0	2	3	0	3	8	317
Beaufort	0	0	4	0	1	5	94
Keningau	0	0	5	0	0	5	85
Putatan	0	2	2	0	0	4	109
Tambunan	0	4	0	0	0	4	56
Sandakan	0	0	1	0	3	4	56
Kudat	0	0	3	0	1	4	23
Kuala Penyu	0	2	1	0	0	3	51
Tenom	0	0	2	0	0	2	41
Nabawan	0	0	1	0	1	2	10
Lahad Datu	0	0	2	0	0	2	19
Kinabatangan	0	1	0	0	0	1	16
Beluran	0	0	0	0	1	1	27
Telupid	0	0	0	0	1	1	12
Sipitang	0	0	0	0	0	0	42
Tongod	0	0	0	0	0	0	22
Pitas	0	0	0	0	0	0	10
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	2
Semporna	0	0	0	0	0	0	3
Kunak	0	0	0	0	0	0	3
JUMLAH	0	68	60	0	37	165	2,286

- 6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,160 unit
- Hospital 1,273 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.11%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	145
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	20
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	165

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	6
Emiriah Arab Bersatu	4
New Zealand	2
Singapura	1
Turki	7
Jumlah	20

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	162
Bukan Malaysia	3
Jumlah	165

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	32
Belum Menerima Vaksin	14
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	111
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	8
Jumlah	165

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	16
6 to 11	15
12 to 17	3
18 to 25	39
26 to 59	65
>60	26
Jumlah	165

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 01 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,054 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,987 orang adalah penduduk dewasa dan 67 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 01 Januari 2022 adalah seramai 2,449,341 orang. Ini meliputi 2,113,093 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.61% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,951 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,630 orang atau 75.86% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,248 orang atau 77.48% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,321 atau 71.73% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,876** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,502 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 43 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 22 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 91 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 54 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,070 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis dan kompaun dikeluarkan pada hari ini
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 649 premis perniagaan dan 17, 647 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 164 Premis Perniagaan melibatkan 100 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 60 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 124 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.4%
2	Beluran	98.2%
3	Semporna	98%
4	Keningau	98%
5	Sipitang	98%
6	Lahad Datu	98%
7	Kinabatangan	98%
8	Tenom	98%
9	Beaufort	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Kudat	98%
12	Sandakan	98%
13	Kota Belud	98%
14	Ranau	98%
15	Papar	97.9%
16	Penampang	97.9%
17	Tuaran	97.8%
18	Tawau	97.8%
19	Kota Kinabalu	97.8%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II